



PROTON

INSPIRING CONNECTIONS

Scan dan layari video
Pelancaran Proton X50



Mhi MELAKA HARIINI

MELAKAKU MAJU JAVA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA

ملاک هاری این

Edisi 22 | 2 November 2020 - 8 November 2020 | 16 Rabiulawal 1442H - 22 Rabiulawal 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini



NASKHAH PERCUMA



PROTON
INSPIRING CONNECTIONS

PROTON 3S TAHAP PUNCAK SDN BHD

No.19 Jalan PPBK, Pusat Perniagaan Bukit Katil, 75450 Bukit Katil, Melaka.

Pejabat : 06-318 2853 Sales : 011-1199 2853 Service : 019-226 2853

FB/IG : @tahapuncak Email : tahap_puncak@proton.com

SALES • SERVICE • SPARE PARTS

Latar belakang Syarikat :

- Ditubuhkan pada 3 Julai 2005
- Permulaan dgn 1S (sales sahaja) bertempat di Melaka Sentral.
- Permulaan dgn 3S (sales, service dan spare part) bermula 16.12.2019
- Satu-satunya dealer 100% milik bumiputera sepenuhnya dalam Negeri Melaka.
- Lokasi yang sangat strategik di Bukit Katil.
- Mudah berurusan (1 stop centre)

Perkhidmatan yg disediakan :

- Makanan dan minuman (refreshment)
- Mudah urusan pinjaman bank (pelbagai panel bank)
- Online booking
- Sales / Jualan kereta
- Renewal Insurans dan Roadtax
- Trade-in diterima
- Servis kereta dan aircond
- Overhaul engine / aircond
- Alignment dan balancing
- Sanitize kereta & nano-mist



PROTON
INTELLIGENCE THAT MOVES™

>> Proton Tahap Puncak 3S tawar perkhidmatan terbaik
Untuk berita penuh sila lihat Muka 21

SAGA
INTELLIGENT PROPOSITION™

iRIZ
INTELLIGENCE THAT EXCITES™

PERSONA
INTELLIGENCE THAT CARES™

EXORA
INTELLIGENCE THAT MOVES™

ملاك هاري اين



JENAYAH

Nak beli komputer riba RM1,900,
rugi RM101,900

MUKA 10

Edisi 22 | 2 November 2020 - 8 November 2020 | 16 Rabiulawal 1442H - 22 Rabiulawal 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | www.melakahariini.my | Melakahariini



NASKAH PERCUMA

ANGKA TERKINI COVID-19
Dikemaskini sehingga 30 Oktober 2020, 6.00pm

PULIH : 491

KES BAHRU : 799

KES KEMATIAN : 3

KES KESELURUHAN : 30,889

LANGKAH AWAL PULIH PANTAI

Foto Din Ahmad



- ✓ Ketua Menteri berkata sebanyak RM30 juta dipohon dari kerajaan pusat untuk baik pulih kawasan terjejas.
- ✓ Pengarah JPS Melaka umum 10 lokasi paling terjejas akan dibaik pulih mulai bulan depan melalui peruntukan sedia ada.

MUKA 4

BISNES

Keunikan 'Ayam Golek Komando'

MUKA 15

Variasi

Potret istimewa di kaki lima

MUKA 19

Melaka pohon peruntukan RM30 juta dari Putrajaya

Saliawati Salberi

TANJUNG BIDARA – Sejumlah peruntukan bernilai RM30 juta dipohon kerajaan negeri daripada kementerian berkaitan bagi menangani isu hakisan pantai di Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, peruntukan itu dipohon kerajaan negeri bagi menjalankan kerja awalan baik pulih di kawasan pantai yang terjejas.

"Sejumlah peruntukan telah dipohon untuk laksanakan kerja awalan dan kecemasan akibat daripada hakisan dan kerja pembaikan mesti dilaksanakan."

"Kalau diikutkan RM30 juta lebih peruntukan (dipohon) di kawasan 'hotspot' yang dikenal pasti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat kawasan terjejas akibat hakisan di Kampung Pasir Gembor, di

sini, baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara, Datuk Md Rawi Mahmud serta ADUN Taboh Naning, Datuk Wira Latipah Omar.

Sulaiman berkata, selain itu sebanyak RM800,000 diperuntukkan kerajaan negeri bagi melakukan kerja pembaikan di kawasan Tanjung Dahan.

"Bagi beberapa kawasan lagi sebaik dapat peruntukan kerja baik pulih akan dilakukan segera."

"Saya turut meminta ketua agensi termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memantau bagi memastikan selain tidak mahu ada merebak ke bahagian pantai yang lain," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, perbincangan bersama JPS sudah dilakukan bagi membincangkan permohonan peruntukan.

II Sejumlah peruntukan telah dipohon untuk laksanakan kerja awalan dan kecemasan akibat daripada hakisan dan kerja pembaikan mesti dilaksanakan. //



SULAIMAN ketika turun padang melihat sendiri keadaan Pantai Kampung Pasir Gembur yang turut terjejas akibat hakisan pantai dalam sesi lawatannya ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara, baru-baru ini.

Projek pemulihan 10 lokasi paling terjejas bermula bulan depan

FAIZ HASAN

AYER KEROH - Kerja-kerja pemulihan bagi membaik pulih hakisan pantai di beberapa lokasi di negeri ini dijangka dijalankan menjelang Disember nanti.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka, Abd. Hakim Hamzah berkata, kerja-kerja jangka masa pendek membabitkan struktur penahan hakisan akan dilaksanakan terlebih dahulu sebagai tindakan

awal bagi memastikan keadaan di lokasi terjejas terkawal.

Katanya, tindakan awal terbabit akan dilaksanakan menerusi peruntukan sedia ada dari agensi itu sendiri, sementara menunggu permohonan lain diluluskan bagi meneruskan pemulihan pantai terlibat.

"JPS akan memulakan kerja-kerja pemulihan dan dijadualkan (bermula) pada Disember nanti menerusi peruntukan sedia ada dan akan

menumpukan di kawasan yang paling terjejas terlebih dahulu.

"Kita akan menyenarai 10 lokasi paling terjejas mengikut keutamaan dalam senarai dan kerja-kerja pemulihan jangka masa pendek ini akan memakan masa sekitar enam bulan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, ujarnya, beberapa lokasi yang terjejas akibat hakisan itu sejak minggu lalu telah menunjukkan perubahan positif akibat pergerakan air dan fenomena semula jadi berlaku di kawasan berkenaan.

"Di beberapa lokasi di Kuala Sungai Baru dilihat semakin berkurang disebabkan

pergerakan peralihan cuaca yang menjadikan fenomena semula jadi ini berlaku.

"Bagaimanapun JPS tetap akan meneruskan kerja-kerja pemulihan ini dengan memfokuskan di kawasan yang terpenting dengan menumpukan kawasan paling terjejas terlebih dahulu," katanya.

ABD. Hakim

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm
3 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm
4 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.08 pm
5 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.08 pm
6 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.08 pm
7 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.55 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.09 pm
8 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.55 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.09 pm



KAWASAN Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi antara yang terjejas teruk akibat hakisan pantai.

COVID-19: Pulau Besar ditutup



PULAU Besar ditutup kepada pengunjung bermula 28 Oktober 2020 sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Faiz Hasan

PENGKALAN BATU - Kerajaan negeri mengambil keputusan menu tutup sementara Pulau Besar kepada pengunjung bermula 28 Oktober 2020 sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Jelas Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali, langkah itu diambil bagi mengelakkan apa jua perhimpunan termasuk Sambutan Maulidur Rasul di pulau itu yang mampu mencetuskan kemunculan kluster baharu COVID-19.

Katanya, perkara itu telah diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri yang tidak membenarkan program berskala besar diadakan di negeri ini.

Namun katanya, acara atau perjumpaan dalam berskala kecil

adalah dibenarkan.

"Program berskala besar melebihi jumlah yang telah ditetapkan adalah dilarang sama sekali malah kita tidak mahu dalam tempoh ini akan muncul kluster baharu."

"Kehadiran pengunjung ke Pulau Besar juga bukan hanya dari negeri ini, namun mereka juga dari negeri lain yang berkemungkinan dari kawasan zon merah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program Ziarah Prihatin sempena Sambutan Maulidur Rasul 1442H/2020M di Pusat Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), di sini baru-baru ini.

Sementara itu, seramai 213 asnaf membabitkan setiap parlimen di negeri ini telah menerima bantuan sempena sambutan Maulidur Rasul di kediaman masing-masing.

Program Ziarah Prihatin sempena Sambutan Maulidur Rasul 1442H/2020M di Pusat Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah dirasmikan Sulaiman. Hadir sama, Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.



SULAIMAN merasmikan program Ziarah Prihatin sempena Sambutan Maulidur Rasul 1442H/2020M di Pusat Islam MAIM pada 29 Oktober lepas.

213 asnaf terima bantuan sempena Maulidur Rasul

SERAMAI 213 asnaf membabitkan setiap parlimen di negeri ini telah menerima bantuan bantuan sempena sambutan Maulidur Rasul di kediaman masing-masing, pada 29 Oktober lepas.

Program Ziarah Prihatin sempena Sambutan Maulidur Rasul 1442H/2020M di Pusat Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah dirasmikan oleh Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali.

Program diadakan itu bagi mencetus kelainan dalam sambutan Maulidur Rasul dengan menyentuh golongan asnaf di negeri ini.

"Kita harap bantuan dan

sumbangan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung asnaf dalam menghadapi tempoh penularan COVID-19.

"Terima kasih MAIM, Jabatan Agama Islam (JAIM) dan Jabatan Pendidikan Negeri yang turut bersama menjayakan program ini dengan menyampaikan sumbangan asnaf yang telah dikenalpasti," katanya.

Pada program tersebut, lebih lima buah kenderaan terlibat bagi mengagihkan bantuan ke setiap lokasi kediaman asnaf yang terlibat.

minyak terbesar tahun ini selepas insiden sama di Pulau Tioman, Pahang Jun lalu.

Pengarah Bahagian Keselamatan Sekuriti dan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia Mohd Fairoz Rozali menganggarkan kira-kira 10 tan metrik isi padu sisa minyak kini mencemari perairan Tanjung Tuan berbanding kejadian di Pahang, yang merekodkan lima tan metrik tumpahan minyak.

Tumpahan minyak Tanjung Tuan: Empat kapal dikenal pasti

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Pihak berkuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, bagaimanapun pihak terbabit masih menunggu keputusan sampel yang diambil untuk dilakukan ujian, untuk

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, bagaimanapun pihak terbabit masih menunggu keputusan sampel yang diambil untuk dilakukan ujian, untuk

mengenalpasti dalang di sebalik insiden berkenaan.

"Sampel yang diambil itu dihantar ke Jabatan Kimia untuk proses pensampelan bagi mengenal pasti minyak terbabit milik siapa.

"Kita mengesyaki minyak itu datangnya diantara

empat kapal itu. Kita tidak boleh mengatakan 100 peratus datangnya daripada situ sebelum keputusan ujian sampel belum diperoleh," katanya.

Ujarnya, kapal-kapal itu datang dari luar Melaka dan berlabuh di situ, dianggarkan kira-kira 80,000 kapal melalui Selat Melaka dalam tempoh setahun.

"Sebaik ujian sampel diperoleh dan mengetahui minyak itu daripada kapal mana tindakan lanjut untuk pendakwaan baru boleh dilakukan," katanya.

Mengulas lanjut Abdul Ghafaar berkata, kerja-kerja pembersihan susulan insiden tumpahan minyak itu kini sudah selesai dengan membabitkan jumlah keseluruhan lebih RM100,000.

"Kira-kira 95 peratus kerja pembersihan Tanjung Tuan sudah dijalankan dan

ia sudah selesai dijalankan membabitkan lebih 100 orang petugas daripada pelbagai agensi.

"Malah kita juga berjaya menjimatkan kos sebanyak 90 peratus daripada jumlah yang diminta pihak kontraktor apabila membelanjakan hanya sekitar lebih RM100,000," katanya.

Tambahnya, selepas kerja-kerja pembersihan dilakukan, hidupan laut seperti belangkas dan ketam kini mula kembali ke kawasan habitatnya itu yang menunjukkan kawasan yang dice mari kira-kira dua minggu lalu semakin terkawal.

Melaka Hari Ini pada 17 Oktober lalu melaporkan, tumpahan minyak di perairan Tanjung Tuan yang turut melibatkan beberapa pantai antaranya Pantai Cermin, Port Dickson didakwa sebagai insiden tumpahan



ABDUL Ghafaar ketika melawat kawasan pencemaran tumpahan minyak di Tanjung Tuan baru-baru ini.

 MELAKA HARIINI
Scan dan layari isu semasa di www.melakahariini.my





SEMPENA HARI JADI KE-71 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

Ismail, Noraini ketuai penerima darjah kebesaran Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid & Saliawati Salberi

AYER KEROH - Seramai 294 individu menerima darjah, bintang dan pingat kebesaran Negeri Melaka 2020 pada sesi ketiga Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71 Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam di Balai Istiadat Seri Negeri pada 31 Oktober lepas.

Mendahului senarai tersebut ialah Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Noraini Ahmad yang menerima Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) membawa gelaran Datuk.

Selepas itu, istiadat diteruskan dengan penganugerahan Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira kepada lapan penerima dan didahului Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Wira Amirudin Yusof diikuti Datuk Wira Md

Di Ibrahim, Datuk Wira Mu-barak Hussain Akhtar Husin, Datuk Wira Muhammad Shafie Abdullah, Datuk Wira Mustazah Osman, Datuk Wira Tan Teck Chuan, Datuk Wira Vinod Balachandra Sekhar dan Datuk Wira Liu Allan Hui.

Diikuti lima penerima Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) dan 76 penerima Darjah Pangkuhan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran Datuk.

DMSM didahului oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Datuk Saiful Anuar Lebai Hussen diikuti Datuk Shariful Azhar Othman, Dauk Tnab Boon Chong, Datuk Amer Bukvic dan Datuk Mohd Hasbi Abu Bakar.

Setiausaha Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Makinan Datuk Dr Hanisah Hus-sin dan Pengarah Maritim Pahang Laksamana Pertama Maritim Datuk Amran Daud mengetui penerima DPSM, kemudian diikuti Komander Artilleri Divisyen, Divisyen Ketiga Infanteri Malaysia Mer-



TUN Seri Setia Mohd Ali menyampaikan Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) kepada Ismail Sabri pada sesi ketiga Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71 TYT Melaka di Balai Istiadat Seri Negeri, pada 31 Oktober lepas.

angkap Appointed Military Commander, Brigadier Jen-
eral Datuk Noor Sazali Puteh dan Datuk Tengku Zuhri
Tengku Abdul Aziz.

Seramai 20 penerima pula menerima Darjah Seri Melaka (DSM) yang diketuai

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM) Mohd Ridhwan Mohd Ali.

Manakala Bintang Cemerlang Melaka (BCM) dia-nugrahan kepada 29 penerima didahului Pengurus



NORAINI turut menerima DGSM dari Mohd Ali.

Besar Institut Warisan Melaka (INSWA), Nurman Mohd Baroldin.

Bagi Bintang Khidmat Terpuji (BKT) pula ia dianuge-
rahan kepada 55 individu yang mempunyai sikap taat setia dan kelakuan terpuji.

Sementara Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dikurniakan kepada 58 penerima, Pingat Bakti Masyarakat (PBM) 36 penerima dan yang terakhir Pingat Khidmat Lama (PKL) dianugerahkan kepada tiga individu.

Pekerja tempatan diutamakan

CADANGAN untuk mempertimbangkan pemberian pas sementara kepada pekerja asing dalam sektor perladangan akan dibincangkan secara terperinci di peringkat Kabinet.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, buat masa ini keutamaan diberikan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu dalam apa juga sektor yang diperlukan.

Bagaimanapun, ujarnya, seandainya tiada pekerja tempatan yang sanggup bekerja di sebuah sektor tertentu seperti perladangan, barulah kekosongan itu akan diisi oleh pekerja asing yang sudah berada di negara ini.

"Jika tiada pekerja tempatan yang sanggup bekerja di ladang, barulah kita buka tawaran kepada pekerja asing. Itu pun pekerja asing yang sudah berada di Malaysia. Bukananya kita bawa pekerja baharu yang dibawa dari luar."

"Saya percaya semua ini tertakluk kepada keputusan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan selepas itu ia akan dibawa ke kabinet untuk keputusan seterusnya," katanya.

Baru-baru ini media melaporkan kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan pekerja warga asing yang telah menetap di Malaysia untuk terus bekerja bagi meningkatkan sektor perladangan.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata permit sementara itu dipertimbangkan bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja asing dalam industri kelapa sawit dan getah.

Katanya, kebenaran itu bagaimanapun hanyalah untuk tempoh satu atau dua tahun sahaja membabitkan pekerja asing yang berada di Malaysia akibat penutupan sempadan.

Pelantikan Naib Canselor UM dibuat melalui jawatankuasa tetap pemilihan

Saliawati Salberi

PELANTIKAN Profesor Datuk Dr Mohd Hamdi Abd Shukor sebagai Naib Canselor Universiti Malaya (UM) dibuat melalui persidangan Jawatankuasa Tetap Pemilihan Naib Canselor.

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad ber-kata, cadangan pelantikan Mohd Hamdi itu dimaklumkan kepadanya selepas proses permohonan dan sesi temuduga.

"Pelantikan itu melalui proses per-mohonan dan Mohd Hamdi telah ditemuduga dan beliau dicadangkan kepada

saya melalui jawatankuasa tetap panel pemilih.

"Beliau seorang daripada yang dicadangkan kepada saya. Ini bagi menggantikan penyandang jawatan itu yang habis tempoh," katanya.

Media baru-baru ini melaporkan, Mohd Hamdi dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaya (UM) yang baharu berkuat kuasa 1 November 2020.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam kenyataannya berkata, pelantikan Mohd Hamdi yang juga Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bagi menggantikan penyandang jawatan Datuk Dr Abdul Rahim Hashim yang akan tamat kontrak pada 1 November 2020.

Katanya, lantikan baharu itu sah dalam tempoh tiga tahun sehingga 31 Oktober 2023.

Terdahulu, Noraini menzahirkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama (TYT) di atas penganugerahan pingat yang diberikan kepada beliau.

"Saya lihat dalam empat sesi pem-berian pingat ini ramai wanita yang telah dan akan menerimanya daripada Melaka, jadinya saya selaku Ketua Wanita Malaysia ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas penghargaan diberikan oleh peringkat negeri kepada wanita," katanya.



NORAINI (kanan) bersama Ismail Sabri (kiri) bergambar bersama Sulaiman selepas selesai sesi ketiga Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi Ke-71 TYT Melaka di Balai Istiadat Seri Negeri, pada 31 Oktober lepas.

Bajet Melaka 2021: DPMM pohon RM5 juta bangun usahawan

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Negeri Melaka mencadangkan kerajaan negeri memperuntukkan kira-kira RM5 juta dalam pembentangan Bajet 2021 November depan bagi memperkasaan pembangunan usahawan.

Yang Dipertua Abd Halim Husin berkata, usaha itu antara yang perlu diberikan penekanan agar usahawan Bumiputera mampu bertahan dalam situasi ekonomi semasa

yang sedikit perlahan akibat wabak COVID-19.

"Kita harap supaya peruntukan diberikan kepada peniaga-peniaga di negeri ini, selain mewujudkan satu kawasan khas yang lebih sesuai untuk mereka berniaga.

"Kedua, kita harap supaya wakaf-wakaf di Melaka dapat digunakan dengan lebih baik seperti wakaf tanah-tanah pertanian yang boleh diusahakan.

"Selain wakaf kewangan yang terdapat dalam masjid-masjid yang ada supaya digunakan untuk menjana pembangan umat Islam di melaka," katanya ketika dihubungi MHI.



ABD Halim

Jelasnya, DPMM Melaka

juga sedang membuat promosi 'repayment' dan 'refinancing' kepada peniaga-peniaga di negeri ini bagi meringankan beban pinjaman mereka.

"Adanya usaha ini mereka tidak akan terjebak dalam pinjaman wang yang tidak berlesen atau pun Ah Long.

"Ini fokus utama DPMM Melaka bagi mengurangkan beban peminjam, kita harap Bank Negara akan bantu mendapatkan 'free interest' kepada mereka sepanjang moratorium ini," katanya yang turut memaklumkan.

Komen orang ramai



"Sudah pasti usahawan kecil seperti saya mengharapkan yang terbaik seperti kemudahan pinjaman atau dana untuk kami terus mengembangkan perniagaan,"

- Siti Rohani Awang, Usahawan



"Selain peruntukan dari segi kewangan modal, saya berharap Bajet Melaka 2021 turut menyediakan peruntukan pembiayaan jentera bagi memudahkan kerja seperti menuai padi."

- Mohd Hasem Haron, Petani



"Dalam memulihkan sektor ekonomi yang terjejas itu, Kerajaan Melaka perlu mengatur strategi pemulihan akibat kelembapan ekonomi negeri menerusi peruntukan Belanjawan Negeri Melaka 2021."

- Siti Sarah Mat Isa, Pensyarah

Wujud sistem baharu tangani COVID-19



TECK Siong

makinerosot, pengunjung pun tidak mahu datang Melaka, kita jangka hingga hujung tahun pun negeri akan terjejas," katanya.

Katanya, setakat ini hanya bisnes dari sektor pembinaan, kedai hardware dan kedai runcit masih dapat dikawal seperti biasa.

"Kebanyakan perniagaan terjejas akibat pandemik ini, jadi kita cadangkan supaya kerajaan boleh memberi sedikit kupon buat mereka yang terjejas termasuk keluarga memerlukan."

// Kebanyakan perniagaan terjejas akibat pandemik ini, jadi kita cadangkan supaya kerajaan boleh memberi sedikit kupon buat mereka yang terjejas termasuk keluarga memerlukan. //

maka pelancong tidak mahu berbelanja dan ia akan menjelaskan perniagaan di sini.

"Jika perniagaan se-

keluarga memerlukan. "MCCCI juga memperuntukan sejumlah RM200,000 diagihkan kepada Hospital Melaka,

program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan sumbangan untuk golongan memerlukan," katanya.

MIEA fokus perniagaan digital dalam talian

PERSATUAN Usahawan India Melaka (MIEA) memberi fokus utama melaksanakan perniagaan secara 'digital online' khusus buat kaum India di negeri ini.

Presidennya, Datuk R. Rajasekharan berkata, setakat ini

lebih 170 ahlinya terlibat dalam pemasaran secara digital sebagai platform perniagaan.

"Pada musim pandemik COVID-19 ini, kita fokus kepada peningkatan bisnes secara digital, ada banyak aspek yang boleh kita lakukan khususnya melibat-

kan orang muda.

"Kita perlu ada satu sistem di mana usahawan India tidak perlu pasarkan barang mereka di pasaraya, malah hanya menerusi platform online," katanya.

Katanya, Ahli Jawatan-

kuasanya yang terlibat turut bekerjasama mengadakan kelas digital online buat orang ramai yang berminat di setiap daerah masing-masing.

"Buat masa ini AJK kita sedang melatih mana-mana orang awam yang berminat untuk bermula secara atas talian pada setiap minggu."

"Mereka diajar bagaimana untuk bermula secara online meliputi semua aspek yang boleh mendatangkan pendapatan," katanya lagi.

Ujarnya, MIEA juga menyasarkan lebih 400 ahli menyertai persatuan ini memandangkan masih tidak ramai yang mengetahui platform bermula secara 'digital online'.

"Setiap minggu AJK kita akan bawa 15 hingga 20 peserta untuk mempelajari kaedah digital ini, dari sini kita dapat mengumpul ahli-ahli yang baru," katanya.



R.RAJASEKHARAN (tiga kanan) pada Program Rakan Mikro di Sungai Siput 6 September lalu.



"Strategi terbaik perlu dilaksanakan kerajaan negeri dalam membangunkan ekonomi negeri dengan pelbagai inisiatif bagi memperbaiki industri pelancongan negeri terutama perkhidmatan perhotelan."

- Sazali Sabri, Presiden Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) Melaka

Patuh SOP, perangi COVID-19

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Peningkatan mendadak kes COVID-19 di seluruh negara sedikit sebanyak berpunca daripada kealpaan masyarakat untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Hal itu diakui Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman yang berpendapat rakyat termasuklah di negeri ini seolah-olah menganggap negara sudah memenangi perang dengan COVID-19.

Jelasnya, situasi itu dapat dilihat di tempat awam dan majlis-majlis keluarga yang mana orang ramai dilihat tidak lagi memakai pelitup muka dan tidak mengamalkan penjarakan fizikal.

"Majoriti kes yang berlaku sekarang disebabkan kealpaan orang ramai. Walaupun di Melaka kes ini masih terkawal namun kita dapat melihat orang ramai sudah lupa memakai pelitup muka di

tempat awam, sudah lupa mencuci tangan sebelum dan selepas laksanakan aktiviti, malah mereka juga sukar menjaga jarak fizikal satu meter.

"Dalam majlis keluarga contohnya, ramai yang masih bersalamahan dan tidak menjaga jarak ketika bergambar. Mungkin ada yang berpendapat keluarga paling selamat, tetapi mereka lupa ada di antara keluarga yang datang dari pelbagai negeri termasuk tempat berisiko tinggi," katanya.

Justeru, dia menyeru orang ramai agar dapat mengetarkan kembali SOP walau di mana mereka berada dalam usaha memutuskan rantai pandemik COVID-19.

"Peningkatan sekarang begitu mendadak, jadi untuk putuskan rantai ini, kita kena buat balik seperti di peringkat awal dahulu.

"Jika semua patuh dengan arahan dan SOP kendiri, InsyaAllah kita dapat mengatasi pandemik ini di masa akan datang," katanya lagi.



SEGELENTIR masyarakat mulai alpa dengan pematuhan SOP di tempat awam. (Gambar Hiasan)

Sukarelawan Melaka diperlukan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SUKARELAWAN tidak kiralah dari orang perseorangan maupun badan bukan kerajaan (NGO) diseru untuk membantu petugas kesihatan di negeri dan negara ini bagi menangani kes COVID-19 yang semakin meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, sukarelawan itu bagaimanapun perlulah mem-

punyai kepakaran dan mewujudkan syarat-syarat yang ditetapkan.

"Kepakaran kesihatan itu adalah antara syarat wajib yang ditetapkan. Memang ada yang mohon sebelum ini, tetapi fokus utama kita adalah untuk mereka yang mempunyai kepakaran dari segi perubatan," katanya.

Bagaimanapun, katanya sekiranya ada di antara NGO tanpa kepakaran dalam bidang kesihatan yang masih berminat untuk membantu, pi-

haknya masih mengalu-alukan.

Bagaimanapun, jelasnya, bantuan yang boleh diberikan ialah membantu individu yang sedang menjalani kuarantin 14 hari di rumah yang mungkin terputus bekalan makanan. Jadi, mereka ini perlu dibantu agar tidak berlaku seperti kejadian seorang pacik di Semporna, Sabah,

baru-baru ini.

"Seperti pagi (28 Oktober 2020), saya sempat juga membantu satu keluarga dari Ayer Molek yang dikuarantin kerana merupakan kontak rapat daripada kes sebelum ini. Jadi, mereka ini perlu kita bantu," katanya lagi.



RAHMAD



SUKARELAWAN diperlukan bagi membantu petugas kesihatan menangani kes COVID-19. (Gambar Facebook Jabatan Kesihatan Negeri Melaka)

"KONTAK RAPAT TERMASUK..."



Individu yang tinggal serumah dengan kes disahkan COVID-19

Anggota kesihatan yang memberi perawatan kepada kes disahkan COVID-19 tanpa memakai alat perlindungan diri (PPE) yang lengkap



Individu yang duduk dekat (kurang 1 meter) dengan kes COVID-19 dalam satu premis seperti pejabat, kelas, rumah ibadat, kedai dan lain-lain



Individu mengembawa bersama dan duduk berdekatan (kurang 1 meter) dengan kes COVID-19 sepanjang perjalanan



Peniaga 'car boot sale' Klebang dapat peluang kedua

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KLEBANG - Kira-kira 160 peniaga kecil di Dataran Klebang, di sini menarik nafas lega apabila mendapat peluang kedua meneruskan perniagaan di kawasan berkenaan.

Sebelum ini, difahamkan kesemua peniaga jualan but kereta (car boot sale) di kawasan itu diarahkan berpindah ke lokasi lain bagi tujuan mengumpulkan lebih ramai peniaga dalam satu kawasan.

Hal itu membuatkan peniaga-peniaga yang juga pengasas tapak perniagaan berkenaan membawakan isu terbabit ke pengetahuan Pengerusi Jawatankuasa Pert-

nian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Norhizam Hassan Baktee yang kemudian menyelesaikan masalah berkenaan.

Jelas Norhizam, pihaknya telah menyelesaikan isu berkenaan selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin setempat dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) untuk mengekalkan peniaga-peniaga di kawasan itu.

"Seperti kita tahu, pada musim COVID-19 ini ramai yang susah, jadi untuk memastikan ekonomi berkembang, kita perlu beri kelonggaran kepada peniaga-peniaga ini untuk terus kekal bermula, kecuali jika kerajaan negeri

mahu membuat pembangunan di kawasan terbabit.

"Mereka ini adalah peniaga-peniaga asal yang menubuhkan tapak perniagaan 'car boot sale', sebab itulah saya membawakan masalah ini ke peringkat tertinggi dan akhirnya surat kebenaran untuk mereka kekal bermula di kawasan Dataran Klebang telah dikeluarkan."

"Rata-rata peniaga meluahkan rasa syukur dan gembira dengan keprihatinan kerajaan negeri untuk membantu mereka," kata-

Bagaimanapun, Norhizam mengingatkan peniaga-peniaga yang ada di situ untuk kembali kepada konsep asal mereka iaitu ber-



KETUA MENTERI DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI antara individu yang pernah melawat dan mendengar keluhan peniaga di Dataran Klebang.

niaga di but kereta masing-masing dan bukannya memasang khemah seperti yang ada sekarang.

"Antara isu sebelum ini ialah kebanyakan peniaga di

dataran itu sudah lari dari konsep asal. Awal-awal menjana di but kereta, tetapi sekarang dah mula pakai khemah.

"Jadi, konsepnya sudah

seakan-akan 'uptown' atau 'downtown'. Jadi ini, antara yang telah saya tegur dan InsyaAllah, selepas ini mereka akan kembali semula kepada 'car boot sale', katanya.

Ibu bapa perlu lebih peka tentang aktiviti siber anak

Aflieza Arshad

DURIAN DAUN - Kanak-kanak lebih mudah terjerumus dalam masalah siber seperti buli siber, pornografi kanak-kanak dan sebagainya akibat kemudahan akses melalui media sosial jika tidak dipantau dengan baik.

Sehubungan itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri Datuk Wira Latipah

Omar berkata, ibu bapa perlu lebih bertanggungjawab untuk sentiasa memantau aktiviti kanak-kanak terutama yang berkaitan penggunaan peranti mudah alih dan media sosial.

Katanya, semua pihak perlu bersama-sama menggembungkan tenaga bagi memperkasa generasi pelapis dengan sentiasa cakna dan berhati-hati dalam setiap tindakan dan keputusan yang diambil.

"Untuk melahirkan anak-anak yang dapat mencapai Al-Falah iaitu

kecermerlangan dunia dan ukhrawi, ibu bapa perlulah memainkan peranan utama dalam membimbang dan mendidik mereka dari pelbagai aspek kehidupan agar mereka mampu berdepan dengan cabaran dunia.

"Dengan usaha inj nanti barulah anak-anak generasi pelapis ini dapat mencapai prestasi yang cemerlang dan seimbang dari aspek pelajaran serta akhlak sekali gus menyumbang kepada kejayaan untuk 'Mewajah Melaka Rumahku.'"

katanya.

Latipah berkata demikian sejak berucap merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Negeri Melaka yang bertemakan 'Bumi Lestari: Kanak-Kanak Dilindungi', baru-baru ini.

Program diadakan di Dewan Dewan Rumah Budak Laki-laki Tun Abdul Aziz, Durian Daun itu turut dihadiri Pengarah Jabatan kebajikan Negeri Melaka Burhanuddin Bachik.

Tambah Latipah lagi, kanak-kanak yang merupakan pemimpin dan pewaris dalam mencorak dan merealisasikan impian pada masa hadapan, perlu diperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan mereka secara menyeluruh.

Justeru objektif utama pelaksanaan sambutan ini turut bertujuan memberi penghargaan dan peng-

hormatan kepada kanak-kanak bagi mengiktiraf penglibatan mereka secara inklusif dalam masyarakat.

"Tanggungjawab semua pihak merentasi batas agama, kaum dan kelas sosial di negara ini untuk sama-sama berganding bahu dalam memperjuangkan masa hadapan kanak-kanak.

Bahkan sambutan ini juga boleh diterjemahkan sebagai aspirasi anak-anak Malaysia dalam mempersiapkan diri bagi mewujudkan masa hadapan yang semakin mencabar, kerana setiap kanak-kanak berhak dilindungi dan mendapat kehidupan yang terbaik.

"Hal ini juga penting agar mereka dapat membesar dengan sempurna dari aspek kognitif, fizikal, sosial dan spiritual untuk menjadi warga negara yang baik dan memimpin masa depan," katanya.

Objektif utama pelaksanaan sambutan ini turut bertujuan memberi penghargaan dan penghormatan kepada kanak-kanak bagi mengiktiraf penglibatan mereka secara inklusif dalam masyarakat.



LATIPAH (dua kanan) menyampaikan Pingat Hang Tuah kepada Muhammad Fazrul di Dewan Rumah Budak Laki-laki Tun Abdul Aziz, Durian Daun baru-baru ini.

MELAKA HARI INI

Pengarang Kanan
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK Ketua
HANALIZA JUMINGAN
jotshoot@melakahariini.my

Pengarang
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA
yondame87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI
nur_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakahariini.my

Penolong Pengarang
AHMAD FUAD RAMDAN
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakahariini.my

MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN
aizat.syamil65@melakahariini.my

PEMASARAN

Pengurus
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

Ekssekutif
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

Ketua
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my

Wartawan Penyiaran
MOHAMAD FARIS HAikal
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my

Jurukamera
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

SITI NAJIHA ABDULLAH
eihanajihah0@melakahariini.my

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

Penyunting Video
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufaizzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli1990@melakahariini.my

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

'Terpukau' komputer riba RM100,000

Muhd Rizanizam Abdul Hamid

AYER KEROH - Seorang pensyarah lelaki kerugian lebih RM100,000 selepas diperdaya sindiket penipuan dalam talian ketika membeli sebuah komputer riba bernilai RM1,900.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintendant E Sundra Rajan, berkata lelaki berusia 70-an itu hanya menyedari ditipu apabila ditegur anak



lelakinya beberapa jam selepas melakukan pemindahan wang Ogos lalu.

"Mangsa melihat iklan secara 'online' sebelum tertarik dan berurusan dengan suspek untuk membeli komputer riba berkenaan.

"Pensyarah sebuah universiti swasta itu mendakwa, dia seolah-olah dipukau seh-

ingga melakukan beberapa transaksi pemindahan wang ke akaun yang diberikan suspek.

"Mangsa hanya menyederai dia ditipu selepas ditegur anaknya beberapa jam selepas melakukan pemindahan wang keseluruhannya berjumlah RM101,900 walaupun harga asal komputer riba hanya RM1,900," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian yang boleh dihukum penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengulas lanjut Sundra berkata, orang ramai dinasihati supaya berhati-hati dalam melakukan pemindahan wang ke akaun tidak dikenali serta terlebih dahulu menyemak nombor akaun yang meragukan.

"Semakan boleh dibuat melalui aplikasi mudah alih semakmule CCID untuk membolehkan masyarakat semak akaun bank dan nombor telefon yang mempunyai rekod jenayah secara sahih.

"Orang ramai boleh memuat turun aplikasi berkenaan di telefon bimbit untuk membuat semakan awal sebelum mereka menjadi mangsa penipuan," katanya.



SUPERINTENDANT
E Sundra Rajan

Zoo Melaka terima lebih 5 tan bantuan makanan haiwan



SHADAN (tiga kiri) menunjukkan bekalan makanan haiwan yang diagihkan dari syarikat terlibat.

AYER KEROH 30 Okt. - Lebih lima tan bantuan makanan dan sumbangan bernilai kira-kira RM100,000 telah diagihkan kepada Zoo Melaka bagi memastikan bekalan makanan haiwan peliharaan di lokasi itu mencukupi.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata, sumbangan yang diagihkan Syarikat Evergreen Energy Sdn. Bhd., dan Daya Rakyat Communications Sdn. Bhd., itu turut menyumbang kepada pembangunan zoo berkenaan dalam tempoh penularan COVID-19.

"Setakat ini jumlah keseluruhan sumbangan membabitkan makanan dan wang tunai telah diagihkan kepada kami, sekali gus mampu membantu MPHTJ dalam mengendalikan pengoperasian Zoo Melaka.

"Malah, sebanyak RM300,000 kos diperuntukkan dalam sebulan bagi

memelihara hampir 600 ekor haiwan yang terdiri daripada 120 spesies di zoo ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan 10 Tan Sayur-sayuran bersama Evergreen Energy di Zoo Melaka, di sini baru-baru ini.

Tambah Shadan, pelbagai kaedah telah dilaksanakan agensi itu bagi memastikan haiwan yang terdapat dalam taman berkenaan terus kekal terpelihara.

"Zoo Melaka turut melaksanakan Program Pertukaran Haiwan bagi memelihara hidupan dalam kawasan ini dengan zoo lain yang terdapat di negara ini.

"Setakat ini, program berkenaan telah dilaksanakan di Tambun, Perak manakala di Langkawi pertimbangan pertukaran haiwan masih dalam perancangan," katanya.



DARI kiri, Mohd Ali, Osman, Mohd Amin dan Roslan mengalihkan jaring jauh dari gigi pantai bagi mengelakkannya dihanyutkan ribut barat di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak.

Musim ribut barat Nelayan bersedia 'cuti panjang'

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - Musim ribut barat yang lazimnya bertiup dari November hingga hujung Disember bakal menjelma kembali dan ia mendorong nelayan bersiap-sedia menghadapi 'cuti panjang'.

Setiap kali ribut barat datang kembali, setiap kali itu jugalah nelayan tidak dapat turun ke laut mencari rezeki.

Selepas menghadapi musim air pasang besar minggu lalu, kira-kira 300 nelayan di perairan Melaka Barat bersiap-sedia menghadapi fenomena alam itu.

Jika minggu lalu mereka terpaksa mengalihkan perahu dan peralatan menangkap ikan agak jauh dari gigi pantai, hari ini mereka sekali lagi bergotong-royong mengalihkan peralatan seperti jaring dan rawai jauh dari gigi pantai.

Osman Ibrahim, 65, berkata musim ribut barat lazimnya bertiup dari November hingga hujung Disember setiap tahun dan ia lebih kuat berbanding angin ribut tenggara, selatan atau timur.

"Ombak ribut barat lebih tinggi dan kuat berbanding ombak ribut yang lain dan kami harus bersiap

sedia menghadapinya bagi memastikan peralatan menangkap ikan tidak dihanyutkan ombak besar.

"Sekarang pun ribut barat sudah ada, tetapi ia hanya satu atau dua hari tetapi dalam keadaan tidak berapa besar berbanding ribut barat sebenar antara November hingga Disember," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, ribut barat menyebabkan nelayan tidak mampu turun ke laut bergantung kepada tempoh angin kencang itu bertiup dan lazimnya antara tiga hingga tujuh hari.

Mohd Ali Abu Bakar, 50, berkata nelayan sudah lari dengan kehadiran ribut barat setiap hujung tahun dan lazimnya tiada apa yang mampu dilakukan nelayan selain memanfaatkan waktu tidak dapat turun ke laut dengan melakukan pelbagai kerja penyelenggaraan dan pembaikan.

"Pada musim ribut barat kami membasuh perahu gentian kaca dan menampali bahagian yang sudah haus atau bocor, selain menjalankan kerja pembaikan enjin motor sangkut."

"Jika kerosakan enjin itu serius, kami terpaksa menyerahkannya kepada mekanik sama ada di sini atau

Bandar Raya Melaka," katanya.

Beliau menjelaskan, setiap kali ribut barat reda, lazimnya jumlah tangkapan ikan meningkat berbanding hari biasa kerana ikan yang sebelum itu hanya 'bermain' di tengah laut akan 'bermain' di pinggir pantai.

Mohd Amin Fuad Razali, 25, berkata kehadiran musim ribut barat bermakna nelayan 'diberikan cuti rehat' berikutan tidak berani menempuh ombak besar dan angin kencang.

"Saya pernah dipukul ribut barat tahun lalu tetapi saya gagahkan juga menarik jaring dalam keadaan ter-

paksa melawan angin kencang tetapi itu semuanya adalah asam garam kehidupan nelayan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berdoa agar ribut barat tahun ini tidak mengambil tempoh yang lama bagi membolehkan beliau dan nelayan lain mencari rezeki.



EDISI 2 NOVEMBER 2020 - 8 NOVEMBER 2020

Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya. Barang siapa menghendaki pahala dunia, nescaya Kami berikan kepadanya pahala dunia itu, dan barang siapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan (pula) kepadanya pahala akhirat itu. Dan kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

Surah Ali Imran Ayat 145

Cakna mereka yang dalam kesusahan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Pemimpin masyarakat setempat di kalangan penghulu, imam dan ketua mukim disarankan menjadi mata dan telinga kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) untuk mengenal pasti asnaf yang layak menerima bantuan zakat khususnya mualaf.

Peranan golongan tersebut adalah penting bagi memastikan bantuan zakat sampai ke tangan mereka yang layak ditambah lagi dengan keresahan hidup akibat menularnya pandemik covid-19 yang masih ada di negara ini.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan wang tunai kepada asnaf Yusof Wahab dan adik tiri, Azmee Abdul Karim.

Sekarang ini merupakan masa yang sangat mencabar bagi semua masyarakat dan menjadi peranan semua untuk membantu mereka yang memerlukan sama ada berbentuk tenaga ataupun khidmat nasihat.

Di kampung-kampung di negeri ini, penghulu, imam masjid dan ketua kampung itu sendiri mereka ini amat dekat dengan masyarakat dan menjadi tanggungjawab mereka untuk melihat individu yang layak menerima zakat dan melaporkan kepada MAIM dengan kadar segera.

MAIM turut mempunyai Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) yang bertindak secara berkala menyelusuri se-

tiap ceruk di negeri ini bagi mengenal pasti dan mencari asnaf yang memerlukan.

“ MAIM turut mempunyai Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) yang bertindak secara berkala menyelusuri setiap ceruk di negeri ini bagi mengenal pasti dan mencari asnaf yang memerlukan. ”



YUSOF dan Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim berbual mesra dan bertanya khabar.



Salam

MAULIDUR RASUL

“Ummah Rabbani, Negara Harmoni” 1442H/2020M

“ Orang yang paling dekat denganku di hari kiamat nanti adalah orang yang paling banyak bershalawat kepadaku ”
(HR. Tirmidzi)

SEBAHAGIAN peserta bergambar bersama panel penceramah Bengkel Dokumentasi Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK) MAIM yang diadakan di baru-baru ini. Kumpulan KIK MAIM yang dikenali sebagai Kumpulan Abu Bakar akan bertanding di peringkat kebangsaan bagi kategori Sektor Awam yang diadakan pada bulan hadapan secara dalam talian.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud bersama Ketua Seksyen Wakaf MAIM, Joriza Jauhari meninjau perkembangan terkini kemudahan dan infrastruktur yang terdapat di Kompleks Masjid Kampung Hulu baru-baru ini. Kompleks berkenaan yang telah siap pada awal tahun ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya dalam masa terdekat bagi memberi kemudahan tambahan umat Islam di negeri ini.



SEBAHAGIAN jemaah Masjid Bilal bin Rabah, Kariah Tanjung Kling mendengar taklimat ringkas berkaitan saham wakaf tunai yang disampaikan oleh Ketua Unit Pentadbiran Wakaf, MAIM, Ahmad Ataillah Zakaria. Orang ramai yang berminat dan ingin mengetahui lebih lanjut berkenaan hal ehwal wakaf boleh hubungi MAIM di talian 06-2837416 atau layari laman sesawang di www.aim.gov.my.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.aim.gov.my

Email | admin@aim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/majlisagamaislammelaka) Facebook | [facebook/maimmelaka](https://facebook.com/maimmelaka)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Rasulullah SAW menegakkan syiar Islam



**Datuk Hj. Ibrahim
Bin Fadzil**

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

patut menjadi contoh kepada kita semua.

Pada zaman Rasulullah SAW, pengorbanan harta amat dititikberatkan khususnya dalam pelaksanaan ibadah zakat demi menjamin kemaslahatan ummah. Para sahabat Nabi SAW telah mewujudkan institusi baitul-maal sebagai pengumpulan wang zakat dan diagharkan kepada mereka yang berhak. Rasulullah SAW antara contoh teladan yang terbaik dalam pengurusan pembahagian zakat. Baginda SAW mengambil berat terhadap sistem agihan zakat bagi memastikan zakat yang dikutip diagharkan kepada golongan mustahik iaitu orang yang berhak menerima zakat.

Rasulullah SAW semasa mengutuskan Muadz ke Yaman, Nabi SAW berpesan kepada sahabat agar diajarkan kepada penduduk Yaman: Sepertimana sabda Baginda SAW: "Sesungguhnya Allah SWT memfardukan sedekah (zakat) ke atas harta mereka. Diambil daripada orang kaya di kalangan mereka dan dikembalikan kepada orang miskin di kalangan mereka." (HR Muttafaq Alaih)

Semoga kita dapat mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW yang sanggup mengorbankan harta dan nyawa demi kemaslahatan ummah sekaligus menegakkan syiar Islam di seluruh dunia. In Shaa Allah.

KEDATANGAN bulan Rabiulawal 1442H amat besar maknanya dalam Tawhid Hijrah. Dimana bulan tersebut merupakan kelahiran junjungan besar Rasulullah SAW pada 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 571M Tahun Gajah.

Baginda Rasulullah SAW berdakwah di sekitar Makkah hampir 13 tahun iaitu melalui dakwah secara rahsia selama 3 tahun, dakwah secara terbuka hampir 7 tahun dan dakwah kepada seluruh penduduk Makkah hampir 3 tahun. Selepas itu, Rasulullah SAW meneruskan dakwah Baginda di Madinah hampir 10 tahun untuk menegakkan syiar Islam.

Baginda SAW berdakwah hampir 23 tahun di Kota Makkah dan Kota Madinah dengan melalui pelbagai cabaran, rintangan, cemuhuan, celaan dan penghinaan. Pengorbanan Baginda dalam menegakkan syiar Islam tidak kira pengorbanan harta, jiwa, nyawa dan keluarga

CIRI-CIRI RASULULLAH SAW

1. SENTIASA BERCAKAP BENAR
2. MENJADI DIRI SENDIRI
3. MERENDAH DIRI
4. SEGERA MEMBUAT KEPUTUSAN
5. MENJAGA HUBUNGAN SESAMA MANUSIA TERUTAMANYA PARA SAHABAT NABI



"Sesungguhnya Orang yang paling dekat denganku di hari kiamat nanti adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku"

(HR. Ibnu Hibban dalam Shahih Ibnu Hibban)

1-300-88-0233

www.izakat.com

Zakat Melaka

zakat.melaka

Zakat Melaka

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat - (011-58583900)
Laman Web : www.izakat.com



Contohhlah

SIFAT RASULULLAH SAW

- 01 SIFAT SIDDIQ (JUJUR)
- 02 SIFAT AMANAH
- 03 SIFAT TABLIGH (MENYAMPAIKAN)
- 04 SIFAT FATONAH (BIJAKSANA)

1-300-88-0233

www.izakat.com

Zakat Melaka

zakat.melaka

Zakat Melaka

Ke Manakah Wakaf Anda?



Jom Berwakaf

Wakaf Tunai Melaka

Bayaran
Wakaf
Serendah

RM 2.00

Sahaja



Pengambilan/Pembelian
Lot Tanah Bagi Tujuan
Keagamaan



Pembangunan
Hartanah Wakaf



Pembalaikan
Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1
MELALUI
POTONGAN GAJI
SCARA BULANAN

Kaedah bayaran #2
Download
APPS e-WALLET
BOOST

Kaedah bayaran #3
Bayar di Kaunter
Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4
MELALUI AKAUN BANK
BANK ISLAM (MAIM)
04015010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809

Lensa Ziarah Pribatin Sempena Sambutan Maulidur Rasul

KETUA Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali merasmikan majlis pelepasan Program Ziarah Pribatin Sempena Sambutan Maulidur Rasul baru-baru ini. Program itu merupakan anjuran Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bersama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMN) . Seramai 213 asnaf menerima bantuan di setiap di DUN di negeri ini. Hadir sama di majlis itu, Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud dan Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.







JOM BERWAKAF

“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

<https://iwakaf.maim.gov.my>

-Hadith Riwayat Muslim-

Dulu diajar berperang, sekarang niaga ayam golek

"Bila dah habis servis, dah jadi 'orang biasa' kita kena ikut peraturan kerajaan, jangan gunakan kuasa komando seperti dahulu"



SHUKUR

Liana Sahabudin

TIADA benda yang mustahil semuanya pasti boleh, itu ungkapan seorang bekas komando yang kini membuka perniagaan Ayam Golek Komando di Durian Tunggal.

Jika dahulu dia hanya diajar untuk berperang namun, kini dunianya berubah 360 darjah

Pemiliknya Muhammad Shukur Ramali, 44, berkata, walaupun sudah menamatkan perkhidmatan dalam rekrut komando selama 21 tahun, namun usaha untuk memiliki perniagaan sendiri adalah di luar jangka.

"Saya simpan dalam dada, tiada benda yang mustahil, semuanya boleh, bila tamat perkhidmatan komando cabaran lain pula yang bermula apabila menyesuaikan diri

dengan dunia awam.

"Bila dah habis servis, dah jadi 'orang biasa' kita kena ikut peraturan kerajaan, jangan gunakan kuasa komando seperti dahulu," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) di kedainya, baru-baru ini.

Shukur berkata, walaupun masih awal dalam bidang perniagaan, namun sokongan dan semangat rakan-rakan kongsinya tidak pernah luntur.

"Pada permulaan saya bermodalkan wang simpanan RM9,000 untuk niaga, sebelum niaga ayam golek ada plan nak buat macam-macam tapi semua tak jadi."

"Alhamdulillah, saya dikelilingi rakan yang sangat membantu, masa kursus kenal beberapa rakan dan hingga hari ini mereka bantu saya niaga di kedai," katanya.



AHMAD Syahmi Abd Rahman, 30, merupakan rakan niaga Shukur yang membantu menguruskan perniagaan.



AYAM Golek Komando punyai 11 ramuan istimewa.

PUNYAI RAMUAN RAHSIA

Shukur berkata, istimewanya Ayam Golek Komando kerana mempunyai 11 ramuan rahsia yang diperap bagi memastikan ianya sentiasa segar dan enak dimakan.

"Resepi ni saya buat sendiri, saya gunakan ayam berat 800 gram hingga 1.2 kilogram untuk pastikan bahan-bahan itu menyerap keseluruohnnya pada ayam."

"Alhamdulillah, sejak dibuka hingga hari

ini sambutan menggalakkan, jika hari biasa permintaan pelanggan hingga 20 ekor seharian, kalau hujung minggu lebih 30 ekor," katanya.

Katanya, ayam golek yang dibakar mengambil masa 45 minit hingga 1 jam untuk masak sepenuhnya.

"Saya buka kedai jam 2 petang hingga 9 malam, manakala, pada Sabtu dan Ahad pada jam 12 tengah hari hingga 9 malam," katanya lagi.

DIBERI NAMA AYAM GOLEK KOMANDO

Menurut Shukur pada awalnya dia ingin memberikan nama Ayam Golek Durian Tunggal, namun terlalu biasa dan tidak unik jika didengari.

"Pada mulanya saya nak letak nama Ayam Golek Durian Tunggal tapi kawan saya bagi cadangan apa salahnya guna nama Ayam Golek Komando memandangkan saya memang terlibat dalam bidang itu sebelum ini."

"Kawan saya menjadi pencetus supaya guna nama ini sampai la sekaran, jadi bila sebut Ayam Golek Komando pelanggan dah tahu nak cari di mana," katanya lagi.

CABARAN PADA AWAL PEMBUKAAN KEDAI

Katanya, kedainya mula dibuka pada bulan Februari lalu, namun selepas kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKPK) bulan Mac dia terpaksa menangguhkan pembukaannya.

"Masa umum PKP saya dah fikir macam mana nak niaga sebab baru saja mula, kawan saya bagi idea untuk buat jalankan urusniaga secara tunai (COD).

"Pada awalnya saya rasa segan, lama ke-lamaan saya teruskan dengan dibantu dua lagi rakan untuk hantar ke tiga-tiga daerah di negeri ini."

"Pernah juga nak jadi agen jual kam-bung perap, dah banyak kali 'deal' tapi tak pernah pun jadi," katanya yang merupakan bapa kepada lima orang anak.



SHUKUR menunjukkan Ayam Golek Komando yang siap dimasak.



AYAM Golek Komando mempunyai sos black pepper dan sos biasa.



Datuk Dr Sabri
Mohamad Sharif

Melaka makmur cemerlang duniawi dan ukhrawi



PADA 29 Oktober 2020, kita baru sahaja menyambut Maulidur Rasul. Malah, saban tahun setiap kali tibanya 12 Rabiul Awwal, telah menjadi salah satu tarikh yang istimewa bagi umat Islam untuk memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW. Kebanyakan masjid dan surau di negara ini misalnya, tidak akan sunyi dengan aktiviti ceramah, kuliah agama, tazkirah, malah kalam kepujian serta selawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Tugas ini lazimnya sering digalas oleh para asatizah dan alim ulama, demi membentih, menerbit dan menambah babit-babit cinta umat kepada Baginda Rasul utusan Allah penutup sekalian Nabi.

SELAWAT DAN SALAM KEPADA RASULULLAH SAW

Sesungguhnya bagindalah yang paling layak dijadikan sebaik-baik pedoman dan ikutan, akhlak terpujinya yang menjadi panduan untuk umat di sepanjang zaman. Sebagaimana disebut dalam mafhum surah Al-Ahzab ayat 21 bahawa, "sesungguhnya pada diri Rasulullah itu selayaknya menjadi "uswatan hasanah" yakni ikutan dan suri tauladan yang terbaik kepada semua umat".

Kepimpinan ulung dan pekerti mulia Baginda, diakui serta diiktiraf oleh ramai cendekian, baik dalam kalangan umat Islam mahupun dari dunia barat.

Michael Hart, seorang penulis barat misalnya, telah menyatakan di dalam bukunya berjudul, "The 100, Ranking of The Most Influential Person In History" bahawa, Nabi Muhammad SAW telah diangkat dan dipilih sebagai pemimpin nombor satu yang paling berpengaruh dalam sepanjang sejarah dunia.

IBRAH DAN KEPIMPINAN RASULULLAH DI MADINAH

Andai dibaca semula sirah perjuangan Nabi Muhammad SAW, ramai yang akan mengingati kisah ibrah dan peristiwa penghijrahan Baginda Rasulullah dan para sahabatnya ke kota suci Madinah, berdasarkan panduan petunjuk wahyu dari Ilahi.

Setelah sampai di Yathrib, Nabi Muhammad SAW diangkat menjadi pemimpin di kota ini, lalu mengubah namanya menjadi Madinah. Setelah itu, Baginda telah memberi khabar gembira buat penduduk Madinah, yang telah disatukan di antara kaum Muhajirin, yakni mereka yang turut sama bersama Baginda berhijrah dari Mekah ke Madinah, dengan golongan Ansar, yakni mereka yang tinggal di Madinah, melalui hadis yang diriwayatkan oleh Tirmidzi, Ibnu Majah dan Ahmad, mafhumnya berbunyi: "Wahai sekalian manusia, sebarkanlah salam di antara kalian, berikanlah makanan, sambunglah tali silaturrahim dan solatlah ketika manusia sedang tidur pada malam hari, mudah-mudahan kalian akan masuk syurga dengan selamat."

EMPAT FOKUS UTAMA

Jika diteliti hadis Nabi tersebut, ada 4 perkara utama yang ditekan dan disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada penduduk Madinah

dan umatnya.

Pertama, perihal sebarluaskan salam sesama manusia. Nabi SAW mengajak kita untuk saling berkenalan-kenalan dan membina hubungan yang baik, di antara satu sama lain, di samping mendoakan kebaikan serta kesejahteraan buat sesama umat baginda.

Kedua, berikanlah makanan. Ramai dari kalangan Muhajirin dan para sahabat yang turut berhijrah meninggalkan harta bendanya di Mekah. Kemudian, golongan Ansar tampil membantu mereka, bukan sahaja setakat makanan, hatta sampai sanggup memberikan apa jua keperluan bantuan, termasuk perniagaan demi membantu saudara seakidah mereka dari Mekah itu.

Ketiga adalah menyambung silaturrahim. Pertelingkahan hanya akan mengakibatkan lebih banyak kerosakan. Oleh sebab itu, Nabi SAW telah meminta supaya hubungan sesama penduduk majmuk Madinah diperkuuhkan dengan lebih erat lagi.

Keempat pula adalah tentang galakan untuk umat Islam bangun sepertiga malam dan bermunajat bagi memohon pertolongan dan keredhaan daripada Allah SWT yang Maha Mengetahui segalanya.

NEGARA MAKMUR TUHAN BERKATI

Diceritakan dalam Al-Quran melalui surah As-Saba' ayat 15, yang mengisahkan tentang sebuah tamadun hebat pada zaman silam di bahagian selatan semenanjung tanah Arab, berkait dengan keagungan dan kegemilangan negara Saba', sehingga digelar sebagai "Baladun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur", iaitu Negara Makmur di bawah keberkatan Tuhan. Negara Saba' ini usia pemerintahannya dianggarkan bertahan selama ratusan tahun, bermula pada sekitar tahun 950 sebelum masih hingga tahun 115 sebelum masih.

IBRAH DAN ENAM KEISTIMEWAAN TAMADUN SABA'

Tamadun Saba' ini dikatakan mempunyai 6 keistimewaan jika dibandingkan dengan tamadun-tamadun Arab lain seperti Kerajaan Himyar, Ma'in dan Qataban, kerana mencapai tahap kecermerlangan yang tinggi, antaranya:

i. Kemajuan yang didorong oleh aspek ketiauan kepada Allah SWT dan akidah yang tulen.

ii. Memberi keutamaan kepada aspek

pembinaan sosial yang berdasarkan ilmu dan keimanan kepada Allah.

iii. Kekuatan ekonomi berdasarkan tauhid sehingga keberkatan dan kemakmuran yang Allah kurniakan kepada mereka menyebabkan mereka tidak pernah kekurangan makanan, malah sentiasa berlebihan.

iv. Kekuatan ketenteraan dan kesetiaan kepada pemerintah sehingga keselamatan serta keamanan dapat dinikmati oleh rakyat terbanyak.

v. Memiliki teknologi pembinaan yang tinggi sehingga mereka dapat membina empangan masyur Maa'rib dan masih kekal sehingga ke hari ini.

vi. Negara yang mengutamakan kebajikan untuk rakyatnya agar semua lapisan rakyat dapat mencapai nikmat pembangunan, kemajuan dan menikmati hasil mahlul negara.

Kegemilangan dan kemahsyuran daripada kisah Negara Saba' yang mahsyur ini dijadikan asas dalam Kerangka Besar halatuju baharu MELAKA RUMAHKU, yang dilingkari dengan akar tunjangnya, iaitu menuju 'Kecemerlangan Duniawi & Ukhrawi'. Ini termasuklah juga melatihkan perkataan 'keihsanan' sebagai pemboleh daya di dalam kerangka besar tersebut.

MEMBAHAGIAKAN RAKYAT MELAKA

Kepimpinan YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, yang dilihat berusaha keras untuk menjadikan kerajaan negeri ini sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa mendokong dan berjiwa rakyat, prihatin dengan nasib mereka yang memerlukan bantuan, mendengar keluhan serta merasai denyut nadi rakyat, khususnya rakyat B40, dalam memperjuangkan ehwal kebajikan mereka, agar rakyat dapat berasa hidup senang dan bahagia.

Pendekatan kerajaan negeri yang menggunakan perkataan "rakyat" di dalam slogan rasmi Melaka yang baharu iaitu, "Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia" mendapat respon positif dari kalangan warga Melaka. Ini adalah usaha untuk mengangkat martabat rakyat yang berbilang kaum dan agama terdiri daripada orang-orang Melayu, Cina, India, Baba Nyonya, Portugis, Chetti, Sikh, selain menandakan keprihatinan serta dekatnya hubungan Kerajaan Melaka masa kini

II Pendekatan kerajaan negeri yang menggunakan perkataan "rakyat" di dalam slogan rasmi Melaka yang baharu iaitu, "Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia" mendapat respon positif dari kalangan warga Melaka. //

terhadap rakyat.

Manakala istilah "Bahagia" pula bermaksud kehidupan rakyatnya yang sejahtera dan sentosa, sehingga benar-benar mencapai kemajuan serta keseimbangan hidup yang hasanah, yakni mencapai kegembiraan, kecermerlangan serta kebahagiaan duniawi dan ukhrawi, sebagaimana yang disebut dalam surah Al-Baqarah ayat 201: "Dan di antara mereka ada orang yang berdoa, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat serta pelihara kami dari siksa api neraka"

Menyentuh tentang slogan "Rakyat Bahagia" juga, menurut Laporan Indeks Kebahagiaan Malaysia oleh MURNINets Kebangsaan, PLANMalaysia, Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merekodkan bahawa dua bandar di Melaka iaitu Bandar Melaka dan Jasin telah tersenarai sebagai Bandar Paling Bahagia di Malaysia pada tahun 2019. Ini ditambah lagi dengan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, yang bukan sahaja sudah mencapai status Bandar Bahagia, bahkan memperoleh status Bandar Paling Mampan di Malaysia.

Terkini pula, sekalung tahniah juga kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) kerana telah menerima pengiktirafan antara 5 PBT terbaik di Malaysia dalam mencapai matlamat pembangunan mampan pembangunan bandar raya Melaka.

SALAM MAULIDUR RASUL

Tuntasnya, banyak lagi intisari dan ibrah yang boleh diambil pengajaran daripada kisah sirah junjungan besar Rasulullah SAW seperti, 'Sejarah Hidup Muhammad' karya penulis Mesir terkenal Muhammad Hussain Haikal, bagi dijadikan contoh tauladan akhlak terpuji Baginda Nabi SAW di zaman kontemporari ini.

Perbanyakkanlah amalan berselawat ke atas Baginda Nabi SAW, mudah-mudahan kita akan diberkati. Apapun, kita harus insaf dan redha, apatah lagi teringatkan puisi penyudah A. Samad Said, seorang Sasterawan Negara di dalam bukunya Al-Amin, yang amat menyentuh hati berbunyi, "Hari panas ketika itu, mentari mempunyai kisahnya sendiri, Hari panas ketika itu, ADUH! NABI SUDAH TIADA."

Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada Ketua Menteri Melaka.



DR. Shankar Gunarasa

Kenali Kanser Payudara



Scan dan layari video bulan Kesedaran Kanser Payudara 2020 di laman sosial Melaka Hari Ini

BARAH payudara merupakan pembunuhan utama kaum hawa (wanita) dan adalah insiden kanser tertinggi di Malaysia berbanding dengan kanser kanser lain.

Berdasarkan statistik kanser dari tahun 2012-2016, 52.1% adalah kes kanser payudara di diagnosis tahap awal (Stage I & II) dan 47.1% adalah pada tahap lewat (stage III & IV).

Memandangkan bulan Oktober adalah bulan kesedaran kanser payudara, lebih baik kita meneliti simptom-simptom dan rawatan yang terkini.

APA SEBENARNYA BARAH PAYUDARA INI?

Barah payudara berasal dari sel malignan dari payudara sendiri. Secara lazimnya, sel sel di tubuh kita, sering menjalani proses pembahagian untuk sistem tumbesaran.

Replikasi ini berlaku secara terkawal tetapi apabila berlakunya pembahagian yang berlebihan dan tidak terkawal, ianya akan menjadi berlebihan tisu. Tisu-tisu inilah yang akan menjadi ketumbuhan.

Ketumbuhan ini boleh dibahagikan kepada ketumbuhan benign (bukan barah) dan malignant (barah). Ketumbuhan begini ini tidak merbahayakan nyawa, namun barah payudara boleh merebak.

SIMPTOM-SIMPTOM BARAH PAYUDARA


Antara simptom simptom yang perlu di beri perhatian ialah

- Ketulan di payudara
- Darah di puting
- Kemerahan kulit di payudara
- Benjolan di ketiak
- Ketidakselesaan di payudara

DIAGNOSIS UNTUK BARAH PAYUDARA

Berdasarkan kanser statistik kebangsaan yang terbaru, insiden kanser payudara mula meningkat pada usia 25 tahun dan lingkungan insiden tertinggi adalah pada

4 TAHAP KANSER PAYUDARA



Tahap 1
Saiz barah sebesar 2cm atau kurang

Tahap 2
Saiz barah 2-5 cm tanpa atau dengan bengkakan kelenjar di ketiak

Tahap 3
Saiz barah bersaiz lebih 5cm dengan penglibatan kelenjar ketiak yang banyak

Tahap 4
Barah merebak lebih jauh dan melibatkan organ lain dalam tubuh

usia 60-66 tahun. Justeru itu, kaum hawa digalakkan untuk manjalani ujian saringan berkala antara usia 50-70 tahun.

Antaranya ujian yang dilakukan adalah ultrasound payudara, mamogram payudara dan juga biopsy tisu. Ujian ultrasound menggunakan gelombang bunyi untuk membantu doktor menentukan jenis sista yang dialami pesakit barah payudara.

Mamogram merupakan sejenis x-ray yang dijalankan ke atas pesakit untuk memeriksa sama ada pesakit mempunyai sebarang kelainan pada bahagian payudara. Biopsi adalah satu-satunya ujian yang boleh menentukan sama ada tumor itu bersifat

kanser ataupun tidak.

TAHAP-TAHAP BARAH PAYUDARA

A) Tahap pertama

Pada peringkat ini, ketumbuhan barah adalah dalam ukuran sebesar 2 cm sahaja atau pun kurang daripadanya dan ia hanya menyerang tisu yang berhampiran pada kawasan payudara sahaja.

B) Tahap Kedua

Ukuran ketumbuhan barah payudara antara 2 cm hingga 5 cm dan turut menjadikan

nodus limfa sebagai sasaran serangan selain daripada bahagian payudara.

C) Tahap Ketiga

Saiz ketumbuhan lebih daripada 5 cm, tetapi kanser belum merebak ke organ organ lain. Pada peringkat ini, barah payudara sudah melibatkan nodus limfa ketiak, kulit ataupun otot yang terdapat di bawahnya (otot bahagian dada).

D) Tahap Keempat

Pada peringkat ini, saiz barah semakin membesar dan serangan barah ini menjalar ke bahagian serta organ-organ yang terletak agak jauh daripada bahagian payudara seperti nodus limfa di leher, paru-paru, hati atau tulang.

RAWATAN BARAH PAYUDARA

Rawatan kanser payudara terdiri daripada pembedahan, kemoterapi, terapi radiasi dan terapi hormon. Pembedahan adalah rawatan yang pertama yang akan di terima oleh pesakit. Jenis pembedahan yang mungkin di lakukan adalah "wide local excision" dan "mastectomy". Terapi radiasi biasanya di lakukan selepas pembedahan, adakalanya sebelum pembedahan untuk mengecilkan saiz barah. Terapi radiasi ialah rawatan yang menggunakan radiasi untuk membunuh sel barah.

Sama seperti terapi radiasi, rawatan kemoterapi rawatan yang menggunakan ubat-ubatan yang toksik untuk membunuh sel kanser. Selalunya, kemoterapi dijalankan selepas pembedahan. Namun, doktor juga boleh memberikan rawatan ini sebelum pembedahan.

Selain itu terapi hormon dan terapi biological digunakan dimana ubatan khas digunakan untuk memusnahkan sel sel barah secara spesifik.

Penulis merupakan Consultant General and Colorectal Surgeon Pantai Hospital Ayer Keroh.

Kanser payudara yang pada mulanya bersimptomkan nanah.

Operasi pembedahan kanser payudara.



BANCI MALAYSIA

“Data Anda Masa Depan Kita”



Dalam Talian
 Bersemuka



Scan QR Code
Untuk Jawab Banci



www.mycensus.gov.my



@MyCensus2020
@StatsMalaysia

1800 88 7720

Potret istimewa di kaki lima

“ Saya bersyukur dengan rezeki yang saya peroleh selama ini. Bukan sahaja rezeki dalam bentuk wang ringgit tetapi juga rezeki dikelilingi ramai insan yang baik hati yang sering bersedekah dan membelikan makanan untuk saya sepanjang berada di sini. ”

Bapa kepada seorang anak perempuan itu berkata, dia sememangnya meminati dunia lukisan sejak kecil lagi.

Namun, dia yang kehilangan isteri lapan tahun lalu berkata, lukisan hanyalah sebagai hobi suka-suka pada ketika itu dan tidak pernah menjangkakan ia bakal menjadi sumber pendatannya selepas bergelar insan istimewa.

“ Masa dulu saya memang suka melukis. Kemudian lukisan itu saya sorokkan di bawah katil kerana saya malu untuk tunjukkan kepada orang. ”

“ Tetapi salah seorang kawan saya dapat menemui lukisan yang disorok itu dan dari situ lah dia memberitahu bahawa bakat saya setanding dengan pelu-

kis jalanan yang lain dan boleh menjadikannya sebagai mata pencarian. ”

“ Dari situ lah segala-galanya bermula dan saya terus menggilap bakat itu sehingga lah menjadikannya sebagai sumber pendapatan sekarang, ” katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

SEJARAH HITAM SEBAGAI MAT MOTOR

Biarpun fizikalnya tidak seperti insan lain, namun Pak Daud wajar menjadi contoh tauladan terbaik yang membuktikan kekurangan bukanlah batas untuk bekerja keras demi sesuap nasi.

Bercerita mengenai detik hitam yang mengubah hidupnya, dia berkata segala-galanya bermula kira-kira 35 tahun lalu selepas mengalami kemalangan di Bukit Putus, Negeri Sembilan.

Jelasnya, pada ketika itu jiwa mudanya sedikit memberontak dan gemar berlumba motosikal, namun tidak diduga akan ditimpakan

musibah yang mengubah hidup buat selamanya.

“ Selepas kemalangan, saya mengalami demam panas dan itu membuatkan saya kehilangan kaki dan tangan juga sudah tidak seperti manusia biasa yang lain. ”

“ Kalau boleh saya memang tak nak ingat lagi apa yang saya buat dahulu. Nak kata menyayal pun tiada gunanya. Tapi mungkin ada hikmah tuhan mengubah saya seperti sekarang, ” katanya.

POTRET WAJAH SERENDAH RM20

Menurut Pak Daud, sejak berkecimpung dalam karier itu, dia

berupaya mendapatkan tiga ke empat pelanggan sehari dengan caj sekitar RM20 dan RM30 untuk lukisan wajah.

Bagaimanapun, dia mengakui ada segelintir yang seolah-olah ragu-ragu dengan kemampuannya apatah selepas melihat kepayahannya untuk memegang pensel untuk memulakan aktiviti melukis.

Namun, katanya semua riak negatif itu mula berubah selepas lukisan itu berjaya disiapkan dalam tempoh kira-kira 20 ke 30 minit.

“ Saya tidak anggap diri saya sebagai pelukis yang paling hebat. Saya tahu lebih ramai yang hebat di luar sana. Tetapi saya tetap percaya ada rezeki untuk menyara keluarga dalam bidang ini. ”

“ Saya bersyukur dengan rezeki yang saya peroleh selama ini. Bukan sahaja rezeki dalam bentuk wang ringgit tetapi juga rezeki dikelilingi ramai insan yang baik hati yang sering bersedekah dan membelikan makanan untuk saya sepanjang berada di sini, ” ujarnya.

TOLAK TAWARAN KE JEPUN

Dia yang merupakan anak jati Kuala Pilah, Negeri Sembilan berkata, selain mencari makan di bumi bersejarah, dia juga pernah menjadikan Pasar Seni dan Jalan Masjid India, Kuala Lumpur sebagai ‘padang permainannya’ untuk mencari rezeki.

Malah, sejak bergelar pelukis dia juga pernah berkelana hampir di seluruh pelusuk negara termasuklah Terengganu dan Kedah, selain pernah dipelawa untuk berhijrah ke Jepun sebagai pelukis di sebuah galeri lukisan di negara matahari terbit itu.

“ Memanglah tawaran itu tidak selalu

PAK Daud menunjukkan antara hasil kerjanya.



MENJADIKAN kaki lima di hadapan sebuah bank di Kompleks Perniagaan Al-Azim sebagai lubuk mata pencarian Pak Daud.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

JIKA melihat kepada keindahan dan ketelitian potret wajah yang dibeli di kaki lima Kompleks Perniagaan Al-Azim, di Bukit Palah di sini, tiada siapa dapat menjangka ia dihasilkan oleh seorang insan istimewa.

Menariknya, insan istimewa itu ialah seorang pelukis jalanan yang juga merupakan seorang lelaki orang kelainan upaya (OKU).

Sebaik mengasah mata pensel dan memulakan lorekannya di atas sebuah kertas berwarna putih, pengunjung yang melihatnya pasti terkesima dengan bakat yang diperolehi insan bernama Daud Baharin itu.

DARI HOBİ KEPADA MATA PENCARIAN

Daud atau mesra dipanggil Pak Daud, 55, memulakan harinya setiap hari dengan berbekalkan sebatang pensel 8B bersama senaskhah kertas lukisan dan menjadikan kaki lima sebagai lubuk rezekinya.



BIARPUN kekurangan, Pak Daud tidak pernah meminta belas ihsan orang lain untuk membantunya.

datang, tetapi selepas difikir-fikir mungkin lebih baik untuk saya menolak tawaran itu.

“ Selain mengenangkan keluarga, saya juga mungkin berdepan kesukaran untuk membiasakan diri di negara orang, tambah-tambah lagi dengan keadaan fizikal seperti ini, ” katanya lagi.

GUNAKAN TULANG EMPAT KERAT

Di akhir pertemuan, Pak Daud sempat memberi nasihat kepada anak muda di luar sana agar teruslah bekerja kuat sejak dari sekarang memandangkan keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil akibat pandemik COVID-19.

Katanya, mereka yang sihat dan normal perlulah sentiasa menggunakan tulang empat kerat mereka demi meneruskan kelangsungan hidup.

“ Sejak zaman nenek moyang lagi sudah kata kalau tulang empat kerat kau elok, bekerjalah. Kalau tak bekerja itu maknanya dia sengaja dan malas. ”

“ Selagi boleh kerja, kita kerjalah walau apa kerja sekali pun. Dalam hidup ini biasalah orang akan memandang serong dengan apa yang kita lakukan. ”

“ Tapi nasihat saya, janganlah jadikan itu sebagai pelemah semangat sebaliknya kita perlu bangkit lebih kuat untuk membuktikan kepada orang lain kita boleh berjaya, ” ujarnya.

Dia turut mengingatkan setiap keluarga agar tidak berputus asa dalam memberikan semangat kepada ahli keluarga masing-masing dalam apa jua yang dilakukan bagi memberi motivasi berkesan untuk mengecap kejayaan.

UTeM sasar kedudukan bawah 100 UIGM

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyasarkan kedudukan bawah 100 dalam UI GreenMetric World University Rankings (UIGM) bagi kelestarian kampusnya.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim berkata, UIGM ialah sistem kedudukan universiti tahunan dunia yang memfokuskan pada keadaan dan dasar semasa mengenai kampus hijau di seluruh dunia.

"Justeru, UTeM mengambil inisiatif menjayakan Program Hari Kitar Semula bagi memberi kesedaran budaya kitar semula universiti sekali gus merealisasikan konsep 'Kampus Lestari'.

"Data jumlah kutipan barang kitar semula penting untuk memenuhi kriteria dalam UIGM bagi tahun



JUHARI

2020 selain mencapai sasaran UTeM pada tahun ini kedudukan bawah 100," katanya.

UTeM telah menyertai UIGM ini pada kedudukan 269 tahun 2016, kedudukan 170 pada 2017, kedudukan 148 pada 2018 dan kedudukan 114 pd 2019.

Katanya, faedah menyer-

tai UIGM dapat membantu usaha universiti dalam pengantarabangsaan dan pengiktirafan kelestarian universiti.

"Ia membantu meningkatkan kesedaran di universiti dan seterusnya mengenai kepentingan isu-isu kelestarian," katanya lagi.

Sementara itu, Pengarah Keselamatan Pekerja dan Kelestarian Alam Sekitar (PKKA) UTeM, Prof. Juhari Ab Razak berkata, Hari Alam Sekitar mewujudkan sikap peka, prihatin terhadap perjagaan alam sekitar.

"Warga UTeM perlu meningkatkan kesedaran pentingnya amalan kitar semula dalam kehidupan."

"Selepas ini kita tak perlu hantar ke pusat pengumpulan kitar semula lain, hasil program ini kita berjaya meningkatkan jumlah kutipan barang kitar semula," katanya.



UTeM turut mengumpul barang kitar semula menerusi Program Hari Kitar Semula.

Virtual Aerobics rentas sempadan

KOTA MELAKA - Senamrobik virtual platform baharu dalam memastikan aktiviti pengantarabangsaan Politeknik Melaka (PMK) dilaksanakan meskipun dalam pandemik COVID-19.

Pengarah Politeknik Melaka (PMK), Razali Johari berkata, menerusi aplikasi 'Google Meet' ia bukan hanya digunakan bagi proses pengajaran dan pembelajaran (PnP), malah memberi akses untuk program lain.

Menurutnya, ia secara

tidak langsung mendekatkan hubungan pendidikan antara Politeknik Indonesia dan PMK dalam melaksanakan aktiviti pengantarabangsaan.

"Ini menguji kreativiti dan pemikiran unit pengantarabangsaan PMK bagi memastikan aktiviti dan program pengantarabangsaan tetap berjalan.

"Walaupun tidak dapat berkumpul secara fizikal, tetapi kita dapat berkumpul secara maya melalui peng-

gunaan platform Google Meet," katanya pada Program Virtual Aerobics di Politeknik Melaka, baru-baru ini.

Program itu disertai enam politeknik di Indonesia iaitu Politeknik Negeri Sriwijaya, Politeknik Negeri Bengkalis, Politeknik Negeri Medan, Politeknik Negeri Bandung, Politeknik Negeri Bali dan Politeknik Negeri Jakarta.

Hadir sama, Pengurus Projek Nurul Safwanah Muhammad Saleh.



VIRTUAL aerobics dilaksanakan secara maya.



SEBAHAGIAN peserta terlibat pada Program Virtual Aerobics di Politeknik Melaka, baru-baru ini.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)
MAJLIS PERBANDARAN JASIN
SENARAI NILAIAN BARU 2021

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 141(1)

Adalah dengan ini diberitahu bahawa Majlis Perbandaran Jasin dengan merujuk di bawah peruntukan seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], telah menyediakan satu Senarai Nilaian Baru bagi pegangan baru untuk tahun 2021 dan salinan boleh diperiksa dalam waktu pejabat di tempat berikut:

**Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Jasin,
Vista Alamanda, 77000 Jasin, Melaka.**

Bertarikh: 22 Oktober 2020
[MPJ/UU/1400-2/1 JILID 2 (15);
PUNM.700-02/6 Jilid 15]

DATIN SAPIAH BINTI HARON
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin Melaka



MAJLIS PERBANDARAN JASIN
SENARAI NILAIAN BARU 2021

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 141(3) DAN 142(1)

Adalah dengan ini diberitahu bahawa Majlis Perbandaran Jasin telah menyediakan satu Senarai Nilaian Baru bagi pegangan baru untuk tahun 2021 dan akan melakukan semakan pada 18 Disember 2020.

Seseorang yang terkilan terhadap Senarai Nilaian Baru atas mana-mana daripada alasan-alasan yang berikut:

- (a) bahawa sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
- (b) bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
- (c) bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilaian itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- (d) bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau
- (e) bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersama-sama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain,

boleh membuat bantahan secara bertulis kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jasin pada atau sebelum 04 Disember 2020 pulak 4.30 petang.

Bertarikh: 22 Oktober 2020
[MPJ/UU/1400-2/1 JILID 2 (15); PUNM.700-02/6 Jilid 15]

DATIN SAPIAH BINTI HARON
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jasin Melaka

Tahap Puncak Sdn Bhd

Cabaran kekalkan momentum perniagaan

Farah Suhaidah Othman



NORAZRI Othman
Ketua pegawai Eksekutif

JUALAN (sales), servis (service) dan alat ganti (spare parts) (3S), itu perkhidmatan ditawarkan Tahap Puncak Sdn. Bhd., sebagai pusat sehenti automatik Proton tunggal milik Bumiputera di negeri ini.

Menedari landskap industri automatif yang semakin berubah, syarikat yang ditubuhkan sejak 3 Julai 2005 ini mula mengembangkan sayapnya kepada perkhidmatan dari segi pembaharuan cukai jalan dan insurans serta menyediakan perkhidmatan membaik pulih kenderaan dan alat ganti selain mengekalkan bidang jualan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Norazri Othman berkata, selepas hampir 14 tahun beroperasi menerusi perkhidmatan jualan, syarikat kendaliannya selangkah ke hadapan apabila menawarkan 3S.

Jelasnya, meskipun negara berdepan dengan cabaran dalam mengamalkan norma baharu akibat pandemik COVID-19, syarikat kendaliannya mampu mengekalkan momentum perniagaan menerusi perkhidmatan atas talian.

"Cabaran agak tinggi sehingga memberikan kesan kepada perniagaan dalam tempoh dua bulan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasa pada Mac lalu, namun perniagaan kembali pulih secara perlahan-lahan apabila kita mengatur strategi menerusi tawaran 3S secara atas talian.

"Ada kelebihan kita melakukan interaksi atas talian, selain memenuhi permatuhan prosedur operasi standar (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kita dapat mengurangkan beban pelanggan supaya tidak menunggu lama.

"Pelanggan akan menghubungi kita menerusi nombor tertera di Facebook dan Instagram, kemudian kita susunkan jadual temu janji untuk perkhidmatan yang mereka mahu, malah kita mengalakkan transaksi tanpa tunai (cashless transaction) menerusi e-Wallet; grab pay, union pay, Maybank kod QR dan permin-dahan wang atas talian," katanya.

Terletak di lokasi yang strategik di simpang empat Bukit Katil, Norazri berkata, pusat sehenti itu memberi kelebihan untuk urusan pembaharuan cukai jalan yang pantas dan penghantaran urusan perkhidmatan itu ke pintu rumah.

Mengulas lanjut,

dan Proton Persona," katanya.

Norazri berkata, Proton kini dilihat sebagai syarikat pengeluar kereta yang lebih berdaya saing dan semakin maju dalam merangka kualiti kendaraan jangka masa panjang.

"Kita sendiri merancang untuk melaksanakan semua perkhidmatan 'door-to-door' kepada pelanggan yang mahu melakukan 'service' ke atas kereta, bagaimanapun kita masih teliti untuk beri kemudahan yang tiada masa untuk menghantar kereta,



PUSAT Servis Proton Tahap Puncak 3S



GALERI jualan kereta Proton turut berada di Proton Tahap Puncak 3S bagi memberi kemudahan buat pengguna melihat sendiri model kereta yang dijual.



PROTON Tahap Puncak 3S yang terletak di Bukit Katil turut menyediakan perkhidmatan servis kereta yang menjanjikan kepuasan kepada setiap pengunjung.

dan balancing tayar kereta, semua perkhidmatan ini dilakukan oleh juruteknik kita sendiri yang dihantar latihan serta diiktiraf oleh Proton Edar.

"

Dari segi jualan, kita menyediakan per-

khidmatan pandu uji bagi pelanggan yang mahu membuat perbandingan kereta serta penyediaan stok kereta yang banyak, yang mana pelanggan tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan kereta Proton yang mereka mahu seperti X70, Iriz, Proton Saga

jadi kita gunakan tenaga kerja yang ada untuk ambil dan hantar semula kendaraan," katanya.

"Proton lebih menekankan kepada keselamatan kendaraan, malah menghasilkan lebih banyak produk dan model baru berkualiti tinggi sebagai langkah jaminan dalam tempoh jangka masa panjang.

Norazri juga yakin bahawa Proton akan menerajui kedudukan

pertama bagi industri automotif di Malaysia sebelum tahun 2027. Kami juga mahu tenaga kerja Proton menjadi nombor satu dalam industri ini, jika tidak kita akan ketinggalan.

Bagi pelanggan yang mahu mendapatkan perkhidmatan Tahap Puncak Sdn. Bhd., boleh mengunjungi laman Facebook, Proton Tahap Puncak 3S-Bukit Katil dan Instagram, @tahapuncak. Untuk maklumat lanjut hubungi Pejabat : 06-318 2853 / 011-1199 2853 Servis : 019-223 2853



Agong advises all MPs to fully support Budget 2021

KUALA LUMPUR - The Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah recently advised all Members of Parliament (MPs) to fully support Budget 2021 to ensure the wellbeing of the people and the recovery of the country's economy which has been affected by COVID-19.

Comptroller of the Royal Household Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin said His Majesty stressed that it was very important for the government and the authorities, especially the frontliners, to

continue implementing policies and making efforts to curb the threats of the pandemic.

"Al-Sultan Abdullah also called on the MPs to heed the royal advice to immediately stop the politicking and to give priority to the people's well-being so that Budget 2021 could be passed without any disruption.

"His Majesty also reminded the MPs that engaging themselves in political disputes for personal interest will only bring harm to the country and the people, especially when the country is still struggling to face

the threats of COVID-19," he said.

Ahmad Fadil said this in a statement issued by Istana Negara after Al-Sultan Abdullah granted an audience to Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin for their weekly pre-Cabinet meeting at Istana Negara today.

According to Ahmad Fadil, during the audience which lasted over an hour, Al-Sultan Abdullah was also briefed about the Budget which will be tabled in Parliament on Nov 6.

The pre-Cabinet meeting is a weekly activity or main rou-

tine of Al-Sultan Abdullah to discuss and exchange ideas with the prime ministers on current issues and government affairs.

He said His Majesty also expressed hope that Budget 2021 would emphasise on the country's economic recovery as well as the wellbeing and the survival of the people affected by the global spread of COVID-19.

He added that Al-Sultan Abdullah also expressed full confidence in Muhyiddin's ability to helm the government amid pressing challenges and crises.- BERNAMA



THE Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah advised all MPs to fully support Budget 2021 to ensure the wellbeing of the people and the recovery of the country's economy which has been affected by COVID-19. (Photo source Facebook Istana Negara).

Budget 2021 to focus on efforts to fight COVID-19



MUHYIDDIN

MUAR - Budget 2021 will provide allocations to curb the spread of COVID-19 as the government steps up its battle against the pandemic, said Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

He said the government would spell out additional measures in the Budget, which will be tabled on November 6, as part of efforts to bring the life of the people back to normalcy.

"As a caring government, Perikatan Nasional (PN) will implement additional measures. Before this RM305 billion (has been spent), and Budget 2021 will focus on efforts to curb the spread of COVID-19.

"We have spent almost RM2 billion on the Health Ministry while in Sabah alone, which has been badly hit by COVID-19, about RM400 million has spent in the

past few weeks involving the delivery of food aid to houses and medical supplies," he said.

Muhyiddin said this when opening the 24th annual general meeting of Koperasi Sungai Terap dan Sungai Raya Muar Berhad at Dewan Sri Permata, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Pasir here recently.

Also present were Malaysia Cooperative Societies Commission (SKM) executive chairman Datuk Nordin Salleh, Johor police chief Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Bukit Kepong state assemblyman Dr Sahruddin Jamal and Bukit Pasir state assemblyman Kapten (B) Najib Lep.

Muhyiddin said the government was committed to fighting COVID-19 in the coming Budget and would continue to help the

people who have been impacted by the pandemic.

"The government had to provide stimulus packages to help the people because certain groups were badly hit. If (during the Movement Control Order) previously some had asked to withdraw from account two of the Employees Provident Fund (EPF), now there are people seeking to withdraw their savings in account one.

"This (withdrawal of savings) is quite difficult to implement, as the government has already provided billions (to ease the people's burden). You can expect more to come as I will be disbursing billions more to help the people.

"The (EPF) savings are for our old age. If we allow this (withdrawal), the people will face another set of problems," he added.- BERNAMA

First quarterly report on JENDELA to be released in December

KUALA LUMPUR - Malaysia will produce its first report on the National Digital Infrastructure Plan (JENDELA), which describes the plan's progress and achievements, in December.

Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) chairman Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek said a report would be released on a quarterly basis.

"JENDELA makes a promise that as we move forward, we will provide quarterly reports. In a way, this is also meant to provide the right level of pressure on the service provider as well as on the related agencies that

would be making the approvals so that we, as a country, can have a robust infrastructure at a faster pace.

"We are committed to make our report on a quarterly basis for you to be able (to know) where we are against the targets we are (aiming for) and if need be, question us, as well as the industry as to why we fail to meet those targets," he said in his speech at the Media JENDELA 101 Virtual Workshop recently.

Digital Services and Standards Sector chief operating officer Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus acknowledged that the

COVID-19 pandemic did affect the progress of JENDELA.

However, he said, the stakeholders involved were exploring alternatives to address the impact in ensuring the plan was implemented and, if necessary, expedited.

He reckoned that the later module or components of the plan may be brought forward to replace impacted components following the pandemic.

JENDELA, announced by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin in August this year in an effort to improve the digital infrastructure in the country, is

aimed at addressing the rising needs for better quality fixed and mobile broadband coverage due to the COVID-19 pandemic.

To be implemented under the 12th Malaysia Plan (2021-2025), JENDELA will lay the foundation as well as prepare the country for the transition towards 5G technology.

Phase 1 of JENDELA, which runs currently, involves optimising existing resources and infrastructure for both mobile and fixed connectivity by expanding 4G mobile broadband coverage from 91.8 per cent to 96.8 per cent in populated

areas, increasing mobile broadband speeds from 25 Mbps to 35 Mbps; and enabling as many as 7.5 million premises to access gigabit speeds with fixed broadband services.

It will also involve the phasing out of 3G networks in stages until the end of 2021, allowing further upgrades on 4G networks as well as strengthening the foundation for 5G.

Meanwhile, Phase 2 of JENDELA involves addressing the remainder of the digital divide not covered under Phase 1, primarily utilising fixed wireless access and other fit-for-purpose



FADHLULLAH Suhaimi

technologies, as well as priming the nation's transition to 5G, which will take place once action plans to build a robust 4G and fibre platform are carried out.- BERNAMA

Piala Malaysia 2020

Semangat MU berkobar-kobar

"Nak elak pasukan kuat?

Bagi saya tidak...

Kami bersedia menghadapi mana-mana pasukan yang diundi menentang kami di pusingan pertama nanti nanti"

Mohamad Fazrul Abdul Majid

MELAKA United tidak gentar meskipun berdepan kemungkinan diundi bertemu pasukan lebih kuat untuk kempeta Piala Malaysia 2020 yang dijadual bermula 6 November depan.

Pengurus Pasukannya Muhammad Akram Abdullah berkata, pasukannya kini sudah menunjukkan kesediaan untuk menghadapi mana-mana pasukan yang terpilih untuk ditentang pada pusingan pertama nanti.

Jelasnya, melihat kepada persiapan dan semangat berkobar-kobar pasukan, pihaknya optimis

skuad Hang Tuah mampu untuk mara sekurang-kurangnya ke separuh akhir.

"Nak elak pasukan kuat? Bagi saya tidak... Kami bersedia menghadapi mana-mana pasukan yang diundi menentang kami di pusingan pertama nanti nanti."

"Melihat kepada momentum dan moral terkini pemain, insyaAllah, kita menyasarkan untuk sekurang-kurangnya menjadi empat pasukan terbaik dalam saingan kali ini," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Untuk rekod, menjelang undian kumpulan Piala Malaysia nanti, Melaka United diletakkan di dalam balang B bersama-sama Pahang, UiTM/PJ City FC, Sabah, Felda United, Kelantan, Kuching FA dan Kelantan United.

Manakala, balang A menempatkan pasukan-pasukan yang berada di kedudukan teratas liga iaitu Johor



MELAKA United ketika menjalani latihan di Stadium Hang Tuah, baru-baru ini. Foto MUSA

Darul Ta'zim (JDT), Kedah, Terengganu FC, Perak, Selangor serta juara dan naib juara Liga Premier, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Format tahun ini menyaksikan perbezaan ketara berbanding edisi terdahulu yang mana tiada lagi saingan peringkat kumpulan apabila kesemua 16 pasukan akan beraksi dalam pusingan kalah mati termasuk suku akhir dan separuh akhir.

Untuk pusingan pertama, pa-

sukan yang berada dalam balang A sebagai tuan rumah akan diundi menentang pasukan dalam balang B. Sesi undian pusingan pertama akan diadakan pada 1 November.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kemungkinan saingan Piala Malaysia tahun ini dibatalkan ekoran peningkatan mendadak kes positif COVID-19, Muhammad Akram berkata, pihaknya sudah bersedia menghadapi segala kemungkinan.

"Kami bersikap terbuka (seandainya saingan Piala Malaysia dibatalkan). Ini kerana kami juga ingin yang terbaik untuk semua pihak.

"Melihat kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PK-PB) yang dikenakan di Lembah Klang, kami turut bersympati dengan pasukan-pasukan yang bertapak di sana. Apa pun kita doakan yang terbaik untuk semua," ujarnya.

Sumareh digantung dua tahun



MOHAMADOU Sumareh.
Foto internet

man tersebut kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), untuk dipanjangkan kepada pihak yang berkaitan.

Mengulas lanjut, Rizal berkata Sumareh yang mendapat gelaran 'Keli Boy' daripada penyokong Tok Gajah didapati telah membuat kenyataan akbar tanpa kebenaran PBNP, yang telah melanggar artikel 61 kod tatatertib FAM,

artikel 4.11 kontrak pemain dan artikel 10.05 Perlembagaan PBNP 2004.

Bagi pertuduhan kedua, pemain kelahiran Gambia berusia 26 tahun itu didapati telah melanggar artikel 6.6 kontrak pemain kerana merujuk terus kepada Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) (Dispute Resolution Chamber), tanpa terlebih dahulu merujuk kepada FAM.

"Pemain itu turut didapati gagal menghadirkan diri ke sesi latihan bersama pasukan mulai 3 hingga 28 Ogos lalu dan pertuduhan terakhir ialah gagal menghadiri perlawan Liga Super bertarikh 28 Ogos lalu antara Pahang dan Johor Darul Ta'zim, yang merupakan pelanggaran artikel 5.1 kontrak beliau," katanya.

Sumareh yang mula menyurungkan jersi Tok Gajah pada tahun 2017 dikatakan telah menghantar surat pembatalan kontrak kepada PBNP pada 4 Ogos lalu, berdasarkan klaus 8.6 yang menyatakan pemain boleh membatalkan kontrak jika pasukan tidak membayar gaji lebih daripada satu kali.

Bagaimanapun, PBNP dilaporkan menafikan dakwaan itu sebaliknya berpegang kepada perjanjian yang telah ditandatangani serta persetujuan yang dicapai secara bersama oleh kedua-dua pihak.

- BERNAMA



Pengganti 'Speedy Jantan' masih kabur

Fuad Ramdan

MELAKA masih belum memutuskan atlet yang akan menggantikan slot ditinggalkan Khairul Hafiz Jantan dalam acara balapan Sukan Malaysia (SUKMA) 2020 yang akan berlangsung di Johor tahun depan.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pembangunan Belia dan Sukan negeri Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen, ketika ini pihaknya masih mengesahkan atlet yang layak menggalas tanggungjawab itu.

"Kejayaan Khairul Hafiz pada SUKMA 2016 amat memerlukan dan ia sangat berkait rapat dengan prestasi semasa atlet dan hasil yang diraih pada ketika itu adalah diluar jangkaan."

"Kita ada ramai pelapis yang sedang dibangunkan, namun saya berharap akan muncul atlet yang mampu menaungi kecemerlangan sama seperti Khairul Hafiz Jantan (pada SUKMA 2016)," katanya ketika ditemui di Menara Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) baru-baru ini.

Pada saingan SUKMA 2016 di Sarawak, bekas atlet pecut Melaka Khairul Hafiz Jantan meleburkan rekod kebangsaan dalam acara 100 meter selepas merekodkan catatan 10.18 saat mengatasi 10.30 saat milik Watson Nyambek.

Hadir sama Pemangku Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka Tan Gek Chu dan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Melaka Noorman Ramlan.

Jelas Mohd Rafiq, pihaknya juga sedang menyenarai pendek barisan atlet SUKMA Melaka yang dijangka selesai pada 31 Disember depan.

Dalam pada itu, Mohd Rafiq turut memberitahu tiada rancangan baharu dari pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berhubung pertukaran tarikh baharu SUKMA Johor.

"Setakat ini ia kekal pada April, namun saya rasa KBS mengambil maklum dan memerhati secara dekat sebelum ada keputusan berkenaan tarikh baharu," katanya.



MENJELANG saingen Piala Malaysia yang dijadual bermula 6 November 2020, Melaka United (MU) tidak gentar walaupun kemungkinan diundi bertemu pasukan lebih kuat dan optimis menasarkan untuk layak ke separuh akhir.

MS23

Siapa pengganti
'Speedy
Jantan'?

MS23



Sumareh
digantung

MS23

